

NO. SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG TIEN FATT @
WONG NYUK FOH (SANDAKAN)**

TARIKH JAWAPAN : 29.03.2018

SOALAN

YB TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan apakah status terkini berkenaan projek loji jana kuasa geoterma di Tawau. Adakah ia sudah terbengkalai. Bagaimanakah status kayu balak yang sudah dibersihkan di sekitar loji tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Projek Jana Kuasa Geoterma yang dibangunkan oleh Syarikat Tawau Green Energy Sdn. Bhd. (TGESB) di Tawau, Sabah masih berjalan dan tidak dikategorikan sebagai projek terbengkalai. Namun demikian, buat masa ini kemajuan projek ini adalah agak perlahan.
2. Kementerian melalui SEDA Malaysia sentiasa membuat pemantauan terhadap projek tersebut. Sehingga Februari 2018, status kemajuan pelaksanaan projek ini adalah 46.6%. Pengusaha projek ini telah selesai melakukan penggerudian telaga tinjauan dan ujian telaga tinjauan dengan izin *exploratory well drilling and exploratory well testing*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

3. Pengusaha projek ini telah memaklumkan kepada Kementerian bahawa kelewatan pelaksanaan projek ini adalah berpunca daripada kekangan kewangan yang dihadapi oleh syarikat. Namun demikian,

pengusaha telah berjanji bahawa aktiviti-aktiviti yang telah dirancang akan diteruskan setelah suntikan dana dalam bentuk ekuiti dan modal kerja daripada pihak pelabur baharu diperolehi sepenuhnya oleh pengusaha.

4. Berhubung dengan penebangan kayu balak di sekitar loji, ia adalah terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih

.....